From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PENGARAH PERIKANAN KEDAH TINJAU POTENSI KOLAM IKAN PUSAT KOKURIKULUM
Date: Wednesday, 23 September, 2026 3:35:38 PM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

23 SEPTEMBER 2026 / 11 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita oleh: Muhammad Syahmi bin Jumbri
Gambar oleh:Pusat Kokurikulum

PENGARAH PERIKANAN KEDAH TINJAU POTENSI KOLAM IKAN PUSAT KOKURIKULUM



UUM ONLINE: Sintok, 23 September 2026 - Dalam usaha memperkasa kemahiran praktikal dan menyuntik elemen keusahawanan dalam kalangan pelajar, Pengarah Perikanan Negeri Kedah, Encik Sukri Deris, telah mengadakan satu lawatan ke tapak projek kolam ikan yang sedang giat dibangunkan di Pusat Kokurikulum pada 22 September lalu.

Tinjauan strategik tersebut bertujuan untuk melihat sendiri perkembangan infrastruktur akuakultur yang dikhususkan untuk kegunaan serta pembelajaran amali pelajar kokurikulum bagi sesi pengajian semester A261 yang akan datang.

Kehadiran delegasi Jabatan Perikanan itu bukan sahaja sebagai tanda sokongan, malah membuka ruang perbincangan dua hala yang sangat positif mengenai potensi usahasama strategik pada masa hadapan.



Projek kolam ikan yang sedang dalam fasa pembangunan ini disifatkan sebagai satu platform serampang dua mata. Selain melengkapkan silibus pembelajaran luar bilik kuliah, ia juga bakal menjadi makmal hidup untuk para pelajar mendalami selok-belok pengurusan asas akuakultur, kualiti air, dan penjagaan ikan ternakan.

Melalui lawatan tersebut, Encik Sukri Deris turut meluangkan masa berkongsi pelbagai pandangan pakar berhubung potensi pembangunan kolam ikan tersebut, serta cadangan spesies ikan yang paling bersesuaian untuk diternak.

Sementara itu, Pengarah Pusat Kokurikulum, Dr. Za'im Ahmad, turut mengiringi tinjauan tersebut menekankan bahawa inisiatif serba baharu ini merupakan sebahagian daripada perancangan jangka panjang untuk memastikan pelajar mendapat pengalaman pembelajaran yang lebih dinamik.



Mengulas lanjut mengenai objektif projek itu, beliau menegaskan, "Fokus utama inisiatif ini diletakkan pada pembangunan sahsiah pelajar.

Jika ruang ini dimanfaatkan sepenuhnya, para pelajar bukan sahaja mampu membina laluan kerjaya yang lebih baik, malah bakal menjadi modal insan holistik yang mampu menyumbang secara positif kepada negara.

"Jika para pelajar mampu memanfaatkan peluang dan ruang yang telah disediakan ini dengan sebaiknya, kita amat yakin bahawa matlamat untuk melahirkan mahasiswa yang berdaya saing dan holistik mampu direalisasikan."



Secara keseluruhannya, pertemuan ini dijangka menjadi perintis kepada pelbagai program berimpak tinggi yang menjunjung aspirasi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) serta tadbir urus berteraskan ESG.

Sokongan kepakaran Jabatan Perikanan Negeri Kedah seiring kejituan mahasiswa bakal mencipta ekosistem pendidikan mapan; melahirkan graduan yang cemerlang akademik dan progresif dalam amalan kelestarian persekitaran serta sosial industri.

Justeru, para pelajar semester A261 pastinya menjadi perintis bertuah yang bakal menuai manfaat jangka panjang daripada kelangsungan projek berpotensi besar ini.

ZMS/JKK/2026

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.